1 Rencana Khas

Hasil Pelaksanaan Rangka Kerja Kadar Rujukan: Ke Arah Amalan Lebih Cekap dan Telus

Oleh: Chuah Kue Peng dan Zul-Fadzli Abu Bakar

SOROTAN PENTING

- Rangka Kerja Kadar Rujukan diperkenalkan pada bulan Januari 2015 untuk menggantikan Kadar Pinjaman Asas. Ekoran itu, Kadar Asas digunakan sebagai kadar rujukan bagi kemudahan pinjaman dan pembiayaan runcit kadar terapung.
- Pelaksanaan Rangka Kerja Kadar Rujukan didorong oleh tiga matlamat, iaitu untuk:
  - memberi manfaat kepada pengguna melalui penentuan kos pinjaman yang lebih cekap dan telus;
  - mencerminkan strategi pendanaan oleh penyedia perkhidmatan kewangan; dan
  - transmisi dasar monetari yang lebih baik.
- Setakat ini, keputusan yang didapati menunjukkan bahawa Rangka Kerja Kadar Rujukan berada di atas landasan untuk mencapai hasil yang diharapkan.

Pengenalan

Rangka Kerja Kadar Rujukan (Reference Rate Framework, RRF) diperkenalkan pada bulan Januari 2015 untuk menggantikan Kadar Pinjaman Asas (Base Lending Rate, BLR) . Ekoran itu, Kadar Asas (Base Rate, BR) menjadi kadar rujukan utama bagi penentuan kos kemudahan pinjaman dan pembiayaan runcit kadar terapung yang baharu[1]. Terdapat tiga hasil utama yang ingin dicapai oleh RRF, iaitu untuk: memberi manfaat kepada pengguna dengan adanya penentuan kos pinjaman yang lebih cekap dan telus; mencerminkan strategi pendanaan oleh penyedia perkhidmatan kewangan

Rajah 1: Tiga Matlamat yang Mendorong Pelaksanaan Rangka Kerja Kadar Rujukan



Sumber: Bank Negara Malaysia

[1] Butiran lanjut dalam Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2014, Rencana: Rangka Kerja Kadar Rujukan Baharu.

(financial service providers, FSP) yang lebih baik di samping menggalakkan disiplin yang lebih ketat dalam penentuan kos produk pembiayaan runcit; serta transmisi dasar monetari yang berkesan (Rajah 1). Rencana ini membincangkan bagaimana tiga matlamat ini dapat mendorong pelaksanaan RRF dan semakan yang dibuat terhadap rangka kerja ini pada bulan Ogos 2016. Rencana ini juga menunjukkan setakat mana matlamat yang diharapkan telah tercapai.

i) Memberi manfaat kepada pengguna melalui penentuan kos pinjaman yang lebih cekap dan telus

BR merupakan sumber rujukan penting pengguna apabila mereka mengambil pinjaman kadar terapung kerana apa-apa perubahan dalam kadar ini akan memberi kesan terhadap bayaran balik pinjaman bulanan mereka (Rajah 2). Khususnya, pengguna perlu mengetahui apakah kos dana tanda aras yang digunakan bagi mengira BR dan bagaimana hal ini boleh mempengaruhi perubahan dalam BR. Ciri-ciri kos tanda aras akan menentukan kesan pindahan daripada perubahan keadaan pendanaan FSP kepada BR[2,3].

Peralihan kepada rejim BR baharu ini bertujuan untuk memberi manfaat kepada pengguna memandangkan ciri rangka kerja ini lebih cekap dan telus. Komponen BR ditakrifkan dengan jelas serta ditentukan oleh kos dana tanda aras FSP yang berkenaan dan Keperluan Rizab Berkanun (Statutory Reserve Requirement, SRR). Oleh itu, mekanisme pelarasan BR ini lebih cekap kerana hanya mencerminkan pergerakan kos pendanaan FSP yang didorong sama ada oleh perubahan dasar monetari, keadaan pasaran atau pelarasan terhadap SRR.

Satu lagi aspek amalan penentuan kos yang cekap ialah perubahan yang berterusan dalam kos pendanaan sahaja dibenarkan untuk dipindahkan kepada BR. Keperluan di bawah RRF ini bertujuan untuk melindungi pengguna daripada kesan turun naik BR yang keterlaluan. Semakan terhadap RRF pada bulan Ogos 2016 terus meredakan turun naik BR apabila FSP hanya dibenarkan menyemak BR masing-masing pada setiap suku tahunan sahaja.

Pelaksanaan RRF mewujudkan lebih ketelusan kepada peminjam dalam beberapa cara. Pertama, FSP dikehendaki menyiarkan BR mereka, dengan memaparkan BR dengan jelas di laman sesawang dan di kesemua cawangan mereka, serta menzahirkan kadar pinjaman efektif indikatif bagi pinjaman perumahan yang standard[4]. Penzahiran ini perlu untuk memudahkan pengguna membuat perbandingan yang jelas memandangkan terdapat pelbagai BR yang ditawarkan oleh FSP. Kedua, berikutan semakan terhadap RRF pada bulan Ogos 2016, kini FSP dikehendaki menzahirkan kos dana tanda aras yang digunakan untuk mengira BR, faktor-faktor yang akan menyebabkan pergerakan pada BR dan memaklumkan kepada peminjam tentang perubahan kos dana tanda aras. Langkah ini bertujuan untuk menjadikan pergerakan BR lebih telus dan membantu pengguna membuat jangkaan pergerakan BR dengan lebih baik. Ketiga, FSP dikehendaki memaklumkan kepada peminjam sebelum membuat perubahan pada bayaran balik pinjaman bulanan bagi memastikan pengguna mengetahui tentang perubahan tersebut.

Setelah hampir tiga tahun RRF dilaksanakan, pengguna kini semakin responsif terhadap tahap ketelusan rangka kerja ini. Dari April 2017 hingga Jun 2017, jumlah pengunjung yang merujuk kepada jadual perbandingan BR yang disediakan di laman sesawang Bank Negara Malaysia[5] meningkat lebih tiga kali berbanding dengan tahun pertama pelaksanaan RRF. RRF yang lebih telus ini telah meningkatkan keupayaan pengguna untuk membuat perbandingan dan keputusan berdasarkan maklumat ketika membuat pilihan pelbagai produk pinjaman yang ditawarkan.

---

[2] Sebagai contoh, kos dana tanda aras yang lebih tidak menentu boleh mengakibatkan turun naik yang lebih besar dan lebih kerap dalam BR dan ansuran bulanan, sementara kos dana tanda aras yang lebih telus akan membolehkan peminjam membuat jangkaan pergerakan BR pada masa hadapan.

[3] Kadar pinjaman efektif, iaitu BR ditambah spread tetap yang dikenakan oleh FSP, merupakan satu lagi sumber rujukan penting bagi pengguna. Spread ini mencerminkan komponen penentuan kos pinjaman lain, termasuk risiko kredit, risiko mudah tunai, kos operasi dan margin keuntungan FSP. Oleh itu, spread ini boleh dianggap sebagai ukuran kecekapan yang setara bagi semua FSP, seterusnya memudahkan proses membuat keputusan oleh pengguna dengan berasaskan maklumat.

[4] Merujuk kepada pinjaman perumahan dengan jumlah pembiayaan sebanyak RM350,000 untuk tempoh 30 tahun tanpa tempoh sekatan.

[5] Satu jadual perbandingan bagi BR, BLR dan kadar pinjaman efektif indikatif bagi 24 FSP diterbitkan dalam laman sesawang BNM: *http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=en_announcement&pg=en_announcement&ac=19*

ii) Amalan penyedia perkhidmatan kewangan (FSP) yang lebih cekap dan telus

Bagi FSP, pelaksanaan RRF mendorong bank menguruskan risiko pendanaan dan penentuan kos pinjaman kadar terapung dengan cekap. RRF memastikan BR dikira dengan menggunakan kos dana tanda aras yang mencerminkan strategi pendanaan mereka. Melalui cara ini, rangka kerja tersebut memastikan hanya kos yang berkaitan sahaja digunakan dalam penentuan kos pinjaman dan dalam pelarasan akan datang terhadap pinjaman bulanan pengguna. Seterusnya, RRF lebih memudahkan pengurusan risiko kadar faedah FSP memandangkan kadar bagi pinjaman berasaskan BR dilaraskan mengikut perubahan dalam keadaan pendanaan pasaran. Di bawah rangka kerja itu, faktor premium risiko dan faktor bukan kos lain kini dimasukkan dalam spread tetap yang melebihi BR. Sebaik sahaja kontrak pinjaman ditandatangani, spread kekal tidak berubah dan hanya boleh diubah dalam tempoh pinjaman sekiranya terdapat perubahan yang besar dalam kebolehpercayaan kredit peminjam. Kaedah ini akan mendorong ke arah disiplin pengurusan risiko pendanaan yang lebih ketat dalam kalangan FSP apabila menentukan kos pinjaman mereka.

Bagi memastikan pelaksanaan RRF adalah berkesan, FSP dikehendaki memilih kos dana tanda aras yang benar-benar mencerminkan strategi pembiayaan mereka. Semasa RRF mula diperkenalkan pada awal tahun 2015, Kadar Antara Bank Kuala Lumpur Ditawarkan (KLIBOR) 3 bulan menjadi tanda aras pilihan FSP kerana cirinya yang mudah. Walau bagaimanapun, menjelang akhir tahun 2015, BR mula menyimpang daripada perkembangan dalam KLIBOR 3 bulan. Persaingan untuk mendapatkan sumber pendanaan yang lebih stabil dalam tempoh itu telah menyebabkan kos dana borong dan runcit FSP meningkat. Walaupun keadaan pasaran mulai stabil pada awal tahun 2016, kos deposit masih tinggi sebelum menurun secara beransur-ansur. Ini menyebabkan berlakunya beberapa kenaikan dalam BR antara bulan Januari hingga Mei 2016, meskipun KLIBOR 3 bulan menurun. Berikutan perbezaan yang bersifat sementara antara KLIBOR 3 bulan dengan BR, beberapa FSP mula membuat kajian semula dan menggunakan tanda aras baharu untuk mencerminkan strategi pembiayaan yang lebih baik. Hasilnya, beberapa FSP mula mengira BR mereka dengan menggunakan kadar komposit yang terdiri daripada KLIBOR 3 bulan dan kos pendanaan dalaman mereka seperti kadar deposit.

iii) Transmisi dasar monetari yang lebih baik

BR dirumuskan supaya mengikut turun naik kos dana yang berpunca daripada perubahan dalam keadaan pendanaan pasaran dan pelarasan terhadap OPR. Pelarasan terhadap OPR menyediakan saluran transmisi daripada pelarasan OPR kepada kadar pinjaman bagi peminjam runcit baharu dan sedia ada, yang seterusnya mempengaruhi ekonomi dalam negeri (Rajah 3).

Berikutan pengurangan OPR terkini sebanyak 25 mata asas pada bulan Julai 2016, terdapat kesan pindahan lebih besar daripada dasar monetari kepada kadar rujukan. Khususnya, BR purata berwajaran bank perdagangan merosot 21 mata asas, bersamaan dengan kesan pindahan sebanyak 84%, dalam tempoh dua minggu sejak pengurangan OPR. Secara perbandingan, sejak dahulu lagi kesan pindahan kepada BLR lebih rendah iaitu sekitar 70%.

Meskipun transmisi menjadi bertambah baik, apabila kebanyakan FSP mempertimbangkan peralihan dalam kos dana tanda aras daripada KLIBOR 3 bulan kepada komposit KLIBOR 3 bulan dan pendanaan dalaman, timbul kebimbangan bahawa kekukuhan transmisi monetari yang akan datang lambat laun akan berkurang. Pemilihan kos dana tanda aras yang digunakan untuk mengira BR adalah penting kerana ia mempengaruhi daya kekuatan kesan pindahan dasar monetari. Sebagai contoh, kos tanda aras berasaskan KLIBOR mempunyai kesan pindahan lebih kuat kerana KLIBOR sangat responsif terhadap perubahan dalam OPR. Dengan FSP semakin kerap membuat rujukan kepada kos pendanaan dalaman mereka, wujud kebimbangan bahawa sumber

Rajah 2: Pertimbangan Sebelum Pengguna Mengambil Pinjaman Kadar Terapung



Apa yang perlu anda lakukan sebagai peminjam?

1. Bandingkan kadar pinjaman efektif yang dipaparkan oleh institusi kewangan yang berbeza sebelum mengambil pinjaman baharu kadar terapung.
2. Minta Lembaran Penzahiran Produk (PDS) yang menunjukkan kadar pinjaman efektif dan jumlah bayaran balik untuk pinjaman berkenaan.
3. Minta institusi kewangan menerangkan kos dana tanda aras yang digunakan untuk mengira Kadar Asas dan faktor-faktor yang boleh menyebabkan perubahan pada kos tanda aras dan Kadar Asas. Kadar Asas seharusnya mencerminkan pergerakan kos dana tanda aras.
4. Jumlah bayaran balik bulanan akan bertambah atau berkurang atau tempoh pembiayaan mungkin berubah apabila terdapat perubahan dalam Kadar Asas.
5. Bandingkan Kadar Asas dan tanda aras berbeza yang ditawarkan oleh institusi kewangan yang berlainan. Jadual perbandingan disediakan di laman sesawang Bank Negara Malaysia. *http://www.bnm.gov.my/index.php?ch+en_announcement&pg=en_announcement&ac=19*
6. Peminjam perlu menilai kemampuan untuk membayar balik pinjaman sekiranya kadar pinjaman efektif meningkat pada masa hadapan.
7. Peminjam perlu mendapat pemberitahuan daripada institusi kewangan apabila terdapat semakan pada Kadar Asas dan bayaran balik bulanan, dan sekiranya institusi kewangan menukar takrif kos dana tanda aras.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 3: Transmisi Dasar Monetari (Pindahan OPR kepada BR)



Sumber: Bank Negara Malaysia

pembiayaan ini tidak semestinya bertindak balas kepada perubahan dalam OPR. Bagi menangani kebimbangan ini, semakan terhadap RRF pada bulan Ogos 2016 menghendaki pengiraan BR dibuat berdasarkan kos dana marginal FSP bersandarkan kos tanda aras yang dipilih. Kos dana marginal merujuk kepada kos tambahan yang akan ditanggung oleh FSP bagi mendapatkan pembiayaan baharu. Keperluan ini akan memastikan transmisi dasar monetari kepada kadar pinjaman terus kukuh. Selain itu, FSP juga dikehendaki menyemak BR masing-masing dalam tempoh tujuh hari bekerja selepas pertukaran OPR untuk memudahkan transmisi monetari yang secara relatif lebih cepat kepada kadar pinjaman.

Dengan semakan terhadap RRF, pergerakan dalam BR dijangka lebih responsif terhadap perubahan dalam dasar monetari. Ini bertujuan untuk mewujudkan hubungan yang lebih kukuh antara OPR, BR dan kadar faedah pasaran, yang seterusnya akan memudahkan pelarasan dasar monetari yang lebih menyeluruh kepada pengguna dan aktiviti ekonomi benar.

Pada masa hadapan, Bank Negara Malaysia akan terus memantau dengan teliti pelaksanaan RRF bagi memastikan matlamat yang diharapkan akan terus dicapai bagi meneruskan langkah ke arah amalan yang lebih cekap dan telus sejajar dengan perkembangan landskap kewangan.

2 Rencana Khas

Liberalisasi Perniagaan Insurans Motor: Ganjaran kepada Pemandu Berhemah

Oleh: Izian Sherwani Mansor dan Afiza Abdullah

SOROTAN PENTING

- **Liberalisasi insurans motor menghasilkan cara penentuan kos risiko yang lebih saksama, yang mencerminkan risiko yang ada dan membezakan antara risiko yang rendah dengan risiko yang tinggi dengan sewajarnya.**
- **Lebih banyak faktor akan diambil kira apabila menentukan kadar premium yang lebih saksama kepada pengguna.**
- **Pengguna akan mendapat manfaat daripada persaingan sihat, yang seterusnya boleh meningkatkan kualiti perkhidmatan, menawarkan pelbagai rangkaian produk dan juga terus menyediakan akses kepada perlindungan insurans motor pada harga yang kompetitif.**

Apakah liberalisasi insurans motor?

Liberalisasi insurans motor bermaksud kos, skop perlindungan, serta terma dan syarat produk insurans motor tidak lagi ditentukan oleh Tarif Motor yang kali terakhir dikaji semula pada tahun 1978. Pada tahun 2012, pelarasan kecil telah dibuat terhadap Tarif Motor ini. Di bawah persekitaran liberalisasi insurans motor ini, kadar premium (premium) produk insurans motor akan ditentukan oleh setiap penanggung insurans berdasarkan faktor risiko dan kuasa persaingan. Produk dan penetapan premium tidak lagi diseragamkan tetapi berbeza antara satu penanggung insurans dengan penanggung insurans yang lain. Ini membolehkan penyedia insurans motor menjadi lebih responsif terhadap pilihan pengguna dan keadaan pasaran. Cara ini juga boleh menyediakan premium yang lebih saksama, yang mencerminkan risiko asas dengan lebih baik selain boleh membezakan antara risiko yang baik dengan yang buruk. Pengguna dengan profil risiko yang baik boleh mendapat manfaat daripada premium yang lebih berpatutan bagi perlindungan mereka.

Proses liberalisasi insurans motor ini dilaksanakan dalam dua fasa. Fasa 1 yang dilaksanakan pada 1 Julai 2016, menyaksikan beberapa penanggung insurans memperkenalkan produk insurans motor baharu yang tidak bercirikan produk yang diperuntukkan di bawah tarif, pada kadar pasaran. Di bawah Fasa 2 yang bermula pada 1 Julai 2017, dua produk insurans motor sedia ada yang sebelum ini tertakluk di bawah tarif telah diliberalisasikan seperti berikut:

(i) produk yang menyediakan perlindungan bagi kerugian pihak ketiga dan kehilangan atau kerosakan pada kenderaan sendiri yang diinsuranskan akibat kecurian atau kebakaran sahaja; dan

(ii) produk yang menyediakan perlindungan komprehensif, merangkumi perlindungan seperti (i) di atas dan juga kerosakan pada kenderaan sendiri yang diinsuranskan bagi apa-apa jenis kemalangan.

Insurans wajib pihak ketiga yang dikehendaki di bawah Akta Pengangkutan Jalan akan terus dikawal di bawah tarif. Ini bagi memastikan akses kepada insurans motor wajib berterusan dan disediakan pada harga yang berpatutan semasa proses peralihan ini untuk memelihara pelarasan pasaran secara beransur-ansur dan teratur. Liberalisasi selanjutnya akan tertakluk kepada kajian semula oleh Bank Negara Malaysia pada tahun 2019 bagi menilai tahap ketersediaan pasaran untuk melalui fasa liberalisasi seterusnya.

Menangani isu kadar premium yang tidak sama rata dan insentif di bawah persekitaran tarif

Di bawah pengaturan tarif, subsidi bersilang yang ketara yang wujud antara segmen risiko telah mengakibatkan kumpulan pemegang polisi tertentu membayar premium lebih tinggi daripada jumlah yang sepatutnya berbanding dengan pemandu dan kenderaan yang lebih berisiko. Sehingga suatu tahap tertentu, pelarasan menyeluruh terhadap kadar tarif telah meningkatkan subsidi bersilang lalu menjadikan hasil yang diperoleh tidak optimum. Insurans akan menjadi tidak cekap dari segi ekonomi bagi risiko yang baik, dan ini menyebabkan berlakunya pemilihan yang tidak wajar dan mengurangkan kapasiti untuk memberikan perlindungan motor dalam kalangan penyedia insurans.

Rajah 1: Pelarasan premium yang kecil sebahagiannya menyebabkan sesetengah penanggung insurans melindungi risiko motor yang dahulunya ditolak kerana penetapan harga yang tidak sejajar



Sumber: Malaysian Motor Insurance Pool (MMIP)

Keadaan ini dapat dilihat pada tahun 2012, apabila lebih satu juta kenderaan persendirian terpaksa beralih kepada Kumpulan Insurans Motor Malaysia (MMIP) untuk mendapatkan perlindungan insurans motor. Hal ini terjadi berikutan tindakan beberapa penanggung insurans yang enggan menawarkan perlindungan motor (terutamanya insurans pihak ketiga) akibat kerugian yang berpanjangan dan berterusan yang perlu ditanggung. Risiko dalam MMIP ketika itu telah menyebabkan premium yang lebih tinggi dikenakan. Syarat untuk mengunderait kemudiannya dilonggarkan apabila pelarasan terhadap premium tarif secara beransur-ansur diperkenalkan di bawah Rangka Kerja Perlindungan Motor Baharu pada tahun 2012. Pelarasan ini menjangkakan peralihan akhir sepenuhnya kepada persekitaran penetapan premium berdasarkan pasaran yang lebih mampan untuk mengurangkan kepincangan yang dinyatakan sebelum ini.

Antara tahun 2011 hingga 2016, industri insurans juga telah membayar lebih daripada RM2.8 bilion jumlah tuntutan kerugian akibat kecurian kenderaan. Meskipun kejadian kecurian model kenderaan tertentu adalah lebih tinggi, penanggung insurans sukar untuk membezakan premium yang sewajarnya di bawah persekitaran tarif dan ini telah menambah tekanan terhadap premium keseluruhan.

Perkembangan ini menggambarkan isu yang berkaitan dengan sistem tarif, iaitu kurangnya insentif bagi pemilik kenderaan, syarikat pengeluar kenderaan dan pemandu, untuk menguruskan risiko dengan baik. Hal ini membawa kepada premium yang semakin meningkat, yang tidak dapat dikaitkan dengan risiko yang ditanggung dan menjadi punca utama kerugian. Faktor kurangnya persaingan antara penanggung

insurans juga telah melemahkan fungsi mekanisme pasaran yang sepatutnya membolehkan premium terbaik ditawarkan. Selain itu, isu ini juga telah menghalang inovasi dan peningkatan kualiti perkhidmatan, yang sekiranya dilakukan, boleh memberi manfaat kepada pengguna.

Rajah 2: Kejadian kecurian kenderaan lebih kerap berlaku bagi model kenderaan tertentu di Malaysia

Kedudukan 10 jenis kenderaan paling kerap dicuri pada tahun 2016



Nota:
1. Saiz gelembung mewakili jumlah kecurian bagi setiap model kenderaan
2. Kekerapan dikira dengan membahagikan jumlah kecurian dengan jumlah polisi

Sumber: Majlis Pengurangan Kecurian Kenderaan

Cara premium dikira dan pemerhatian awal terhadap trend premium dalam persekitaran liberalisasi

Insurans adalah berdasarkan pada konsep kesepakatan, dengan risiko yang serupa dikumpulkan bersama. Dalam persekitaran liberalisasi, risiko yang serupa dapat dikumpulkan bersama dalam kumpulan yang lebih kecil, lantas membolehkan premium yang dikenakan mencerminkan risiko yang ditanggung dengan lebih tepat.

Lebih banyak faktor akan diambil kira untuk menentukan premium. Di bawah sistem tarif, kebanyakan premium ditentukan oleh jumlah yang diinsuranskan, kapasiti isi padu enjin kenderaan, umur pemandu dan umur kenderaan. Walaupun faktor-faktor tersebut masih relevan dalam persekitaran liberalisasi, premium boleh dibezakan selanjutnya dengan menggunakan faktor-faktor tambahan lain, seperti pembuatan dan model kenderaan, ciri-ciri keselamatan kenderaan, pengalaman dan cara pemanduan, tempoh masa kenderaan digunakan di jalan raya, tempat letak kenderaan apabila tidak digunakan dan rekod kesalahan trafik pemandu. Faktor yang digunakan oleh penanggung insurans untuk menentukan premium adalah berbeza-beza.

Berdasarkan model penetapan premium perlindungan yang dikemukakan oleh 11 daripada 26 penanggung insurans kepada Bank Negara Malaysia pada akhir bulan Julai 2017:

- Terdapat kenaikan dan penurunan premium dalam lingkungan +/-10% bagi semua kumpulan risiko. Ini menunjukkan bahawa penanggung insurans telah membezakan dengan sewajarnya risiko yang lebih rendah dengan risiko yang lebih tinggi selaras dengan penentuan premium yang lebih saksama.
- Taburan pelarasan premium yang kurang daripada +10% adalah berpatutan, menandakan bahawa model penetapan premium telah diperhalusi oleh sesetengah penanggung insurans.
- Premium pada amnya menurun mengikut umur, mencerminkan risiko lebih tinggi dikaitkan dengan pemandu lebih muda dan kurang berpengalaman, khususnya mereka yang berumur di bawah 25 tahun. Sesetengah pemegang polisi dalam lingkungan umur 40 hingga 50 tahun mungkin dikenakan premium lebih tinggi, sebahagiannya disebabkan oleh kenderaan mereka digunakan oleh anak-anak remaja mereka yang sudah layak memandu.

- Pelarasan menurun terhadap premium lebih nyata bagi kereta baharu berbanding dengan kereta lama.
- Tidak terdapat banyak perbezaan premium dari segi pembuatan dan model kenderaan, yang mungkin menandakan pendekatan lebih berhati-hati oleh penanggung insurans sebelum mengambil kira sepenuhnya faktor risiko dalam pelarasan premium. Pada peringkat awal liberalisasi, hal ini lebih berkemungkinan mempengaruhi kesan pelarasan premium bagi semua kumpulan yang berisiko. Walau bagaimanapun, terdapat pengecualian bagi kenderaan yang lebih cenderung untuk dicuri, yang berkemungkinan besar dikenakan premium yang lebih tinggi.
- Premium bagi kenderaan di Semenanjung Malaysia didapati lebih tinggi berbanding di Sabah dan Sarawak. Ini disebabkan terutamanya oleh tahap risiko dan dedahan risiko yang berbeza berikutan keadaan kesesakan lalu lintas dan jalan raya.

Pemerhatian di atas, bagaimanapun, tidak mengambil kira faktor risiko tertentu pemandu yang digunakan oleh penanggung insurans apabila mengira premium polisi individu. Penanggung insurans boleh memasukkan faktor tambahan tertentu (contohnya, kekerapan kenderaan digunakan atau ciri-ciri keselamatan yang dipasang oleh pemilik kenderaan) untuk menyelaraskan premium sama ada lebih tinggi atau lebih rendah berbanding dengan premium yang dijana daripada model penetapan premium mereka.

Oleh itu, pengguna perlu membuat perbandingan produk dari segi ciri, kadar premium dan skop perlindungan, untuk memilih produk paling sesuai dengan keperluan mereka. Pengguna juga perlu sedar bahawa premium bukanlah satu-satunya faktor penentu apabila membeli perlindungan. Piawaian khidmat pelanggan dan cara tuntutan dikendalikan oleh penanggung insurans merupakan pertimbangan penting yang perlu diambil kira semasa membuat keputusan membeli produk insurans daripada sesebuah penanggung insurans.

Lebih banyak pilihan dan kawalan untuk pengguna

Di bawah liberalisasi, penanggung insurans akan menawarkan pelbagai pilihan produk untuk memenuhi keperluan pengguna yang berbeza. Insurans telematik merupakan salah satu produk sedemikian. Ia mengambil kira takat penggunaan kenderaan dan tingkah laku pemandu semasa menentukan premium. Melalui cara ini, pemandu boleh menikmati diskaun premium bagi kenderaan yang jarang-jarang digunakan atau sekiranya cara pemanduan berhemah diamalkan.

Dengan fleksibiliti yang lebih tinggi dalam reka bentuk produk, pemegang polisi juga boleh memilih tahap perlindungan yang berbeza mengikut *peril* (faktor yang memungkinkan berlakunya kerugian) yang paling sesuai dengan dedahan risiko mereka dan bukannya *peril* yang seragam di bawah tarif. Oleh itu, pemegang polisi mampu mengawal dengan lebih baik tahap perlindungan dan premium yang akhirnya perlu dibayar. Pengguna juga boleh mengambil langkah-langkah yang praktikal untuk mempengaruhi premium yang dibayar, contohnya meletak kenderaan di tempat yang selamat apabila tidak digunakan, memasang peranti antikecurian atau mempertimbangkan spesifikasi kenderaan yang boleh mengurangkan risiko yang perlu diinsuranskan apabila membeli kenderaan.

Dengan pelbagai produk berserta fleksibiliti berbeza yang ditawarkan oleh penanggung insurans, pengguna perlu membuat perbandingan produk insurans motor yang ditawarkan. Maklumat mengenai penyedia insurans dan takaful motor, pilihan produk, dan saluran dalam talian yang membolehkan pengguna mendapatkan sebut harga premium penanggung insurans, boleh didapati melalui ‘pemilih produk’ yang disediakan di laman sesawang Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) dan laman sesawang Persatuan Takaful Malaysia (MTA). Sebagai alternatif, pengguna boleh mengunjungi terus laman sesawang penanggung insurans, atau melayari laman sesawang Bank Negara Malaysia untuk mendapatkan maklumat dan sebut harga premium insurans atau takaful.